

Pekerja marah awasi tandas

O SLO: Sekumpulan pekerja sebuah pusat panggilan telefon membantah tindakan majikan memasang sistem pengawasan teknologi tinggi yang menghidupkan lampu amaran jika mereka berada dalam tandas lebih lapan minit sehari.

Pengurus di situ akan dimaklumkan mengenai pelanggaran tempoh dibenarkan oleh lampu amaran apabila seorang pekerja mengambil masa terlalu lama untuk ke tandas atau aktiviti tidak berkaitan kerja.

Wakil kesatuan sekerja menyifatkan amalan di syarikat insurans DNB sebagai pencebobohan keterlaluan serta termasuk dalam kes mencabul

hak asasi manusia.

Agensi pemantauan sektor swasta Norway, Datatilsynet, sudah memaklumkan kepada DNB bahawa sistem pengawasan mereka mencabul hak persendirian pekerja.

"Setiap pekerja mempunyai keperluan berbeza dan kawalan yang seperti ini membataskan kebebasan pekerja pada hari mereka bertugas," katanya.

Kesatuan Sekerja Finansforbundet turut menyifatkan peraturan itu sebagai tidak boleh diterima.

Tahun lalu, agensi pemantauan itu mendedahkan, sebuah firma memasang gelang merah ke tangan pekerja wanita yang datang haid atas ala-

san memantau kekerapan mereka ke tandas.

Sebuah lagi syarikat memaksa pekerja menulis kemasukan mereka ke tandas dalam sebuah 'buku pelawat' manakala sebuah lagi firma memberi kad elektronik untuk masuk ke bilik air supaya dapat mengawasi tabiat pekerja.

Ketua agensi pemantauan berkenaan, Bjorn Erik Thon, berkata: "Kes yang dilaporkan menunjukkan keadaan kerja yang tidak wajar tetapi ia wujud.

"Peraturan masuk tandas bagi wanita yang datang haid jelas satu pencabulan hak individu dan menghina orang terbabit," katanya.